

**Kalau orang2 Melayu terus
bergantung pada UMNO untuk
segala-gala – Mahathir**

AMARAN ZAMAN GELAP

U.M. - 9 MAY 1977

DOKTOR Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa sikap orang-orang Melayu bergantung kepada UMNO untuk mendapatkan sesuatu akan melumpuhkan pertubuhan ini.

"Malah memandangkan sikap orang-orang Melayu yang sematamata bergantung kepada pihak-pihak lain untuk membantunya, saya khuatir zaman kegelapan bangsa Melayu telah bermula", katanya.

Berucap merasmikan sidang perwakilan UMNO Bahagian Kuala Lumpur Bandar di Dewan Sharifah Rodziah di sini pagi ini, Timbalan Perdana Menteri berkata pada masa ini UMNO merupakan sebuah badan yang amat mudah bagi orang-orang Melayu mendapatkan sesuatu kemudahan.

Tandatangan

Sebagai contoh beliau menyebut betapa mudahnya derma boleh dipungut hanya dengan mendapatkan tandatangan orang-orang tertentu dalam UMNO.

"Kita tidak tahu apa kata orang yang menghulurkan derma itu dalam

KUALA LUMPUR 8 MEI

hatinya, tetapi kita rasa itulah cara yang paling mudah", tambahnya.

Di samping itu jika orang-orang Melayu hendakkan sesuatu mereka dengan mudah boleh memperolehnya dengan cara mengatakan dirinya ahli UMNO, katanya.

Oleh Dr. Mahathir ditegaskan bahawa orang-orang Melayu tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada UMNO untuk menggunakan kuasanya dalam kerajaan bagi membantu mereka.

Apa yang penting mereka hendaklah berusaha sendiri bukan saja untuk mendapatkan kemudahan dan bantuan yang diperlukan, bahkan juga untuk memperjuang dan mempertahankan hak mereka.

Beliau mahu orang-orang Melayu dan ahli-ahli UMNO khususnya menyedari tentang bahaya terlalu bergantung kepada ahli-ahli lain.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir memberi contoh beberapa empire agung di masa-masa lalu yang runtuh akibat terlalu bergantung kepada askar-askar upahan untuk mempertahankan keagungan masing-masing.

Beliau menyebut tentang cadangannya berhubung dengan yuran keahlian UMNO dari \$1 setahun seperti yang diamalkan sekarang

kepada \$1 sebulan.

Beliau bertanya: "Adakah yuran sebanyak \$1 setahun itu sudah mencukupi bagi UMNO? Adakah pengorbanan sekecil itu sudah cukup untuk membiayai perjuangan UMNO yang berjaya menjadikan bangsa Melayu mulia dan dipandang tinggi?"

Dr. Mahathir mengajak direnung kembali kepada hasil perjuangan UMNO yang telah banyak memberi kebahagiaan dan kesenangan kepada orang-orang Melayu, termasuk menyediakan biasiswa, sekolah, kemudahan jalan dan lain-lain.

Beliau mengulas pendapat bahawa jika UMNO tidak dapat menerima sumbangan pihak-pihak lain, UMNO hendaklah menceburkan diri dalam perniagaan untuk mengisi tabung kewangannya.

Katanya, memang baik UMNO men-

LIHAT MUKA 12
(Ruang 5)

ceburkan diri dalam perniagaan, tetapi mestilah disedari tidak semua perniagaan memberi keuntungan dan ada juga yang mengakibatkan kerugian.

Dr. Mahathir berkata sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Perniagaan Bumiputera beliau tiap hari menerima surat-surat yang menerangkan perniagaan yang mereka jalankan menempuh kerugian.

Beliau mencabar kalangan yang berpendapat derma sebanyak \$1 sebulan kepada UMNO satu langkah yang tidak bijak, supaya jangan menderma kepada UMNO.

"Mungkin ada juga yang mengatakan bayaran \$1 sebulan itu tidak mungkin kerana sukar untuk memungutnya, tetapi kita sudah ada cara untuk melaksanakannya," katanya.

Sambil mengajak seluruh ahli UMNO sama-sama memikirkan cadangannya itu Dr. Mahathir berkata ia boleh dimulakan secara kecil-kecilan lebih dulu sebelum dilakukan secara menyeluruh.